



**KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA**  
**(MINISTRY OF TOURISM AND CULTURE MALAYSIA)**

Aras 1, 4-5, 10-15, 17 & 18  
No. 2, Menara 1, Jalan P5/6  
Presint 5

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000  
Faks : 603-8891 7100  
Portal Rasmi : [www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my)

Ruj. Kami : MOTAC.400-12/2/14 Jld.2 ( )  
Tarikh : 22 Mac 2018

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

*YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,*

**ARAHAN OPERASI BAHAGIAN AKAUN BIL.1/2018: TANGGUNGAN KONTRAK  
DI DALAM SISTEM 1GFMS (MODUL *MATERIAL MANAGEMENT*)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat bil. S/K.KEW/PK/MOF/D/68/1/Jld.2(16) bertarikh 15 Februari 2018 telah memberi kelulusan khas pengecualian penggunaan Sistem eP sehingga 30 Jun 2018. Selaras dengan tempoh pengecualian khas secara interim ini, PTJ hendaklah memastikan semua tatacara perolehan bekalan dan perkhidmatan yang berkuatkuasa hendaklah dipatuhi.

3. Bahagian ini mengambil perhatian yang serius berhubung pembayaran yang tidak dapat dilaksanakan dengan segera disebabkan isu *system familiarization*. Bagi mengelakkan isu pembayaran tertunggak, tanggungan kontrak yang tidak dapat dilaksanakan melalui sistem eP hendaklah dikunci masuk menggunakan Modul *Material Management* (MM) Sistem 1GFMS seperti syarat-syarat berikut:

- a) Invois telah pun diterima daripada pembekal/syarikat; dan
- b) Memastikan tanggungan kontrak dilaksanakan di dalam sistem eP sebaik sahaja sistem eP selesai proses *familiarization*.

Ruj. Kami : MOTAC.400-12/2/14 Jld.2 ( )  
Tarikh : Mac 2018

4. Bagi kes pembayaran kontrak yang telah tamat tempoh dan tidak dapat dikunci masuk di dalam Sistem 1GFMAS, Jabatan boleh berhubung terus dengan Bahagian ini bagi khidmat nasihat dengan melengkapkan Borang seperti yang dilampirkan.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, Jabatan boleh merujuk kepada pegawai seperti maklumat di bawah :

BIL	NAMA PEGAWAI	NO. TELEFON	EMEL
1.	Encik Johari Bin Tajul Ariffin	03-8891 7361	servicedesk_solman
2.	Puan Retha A/P Prabakaran	03-8891 7241	@motac.gov.my

6. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah diharapkan dan dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(ZURAINI BINTI ISMAIL C.A(M), CPA(Aust.))**

Bahagian Akaun

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia

s.k KSU

TKSU(P)

TKSU (PL)

TKSU (K)